

Tiada rombakan Kabinet-PM

■ KUALA LUMPUR 17 SEPT.

TUN Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, tidak ada sebarang rombakan Kabinet semasa pentadbirannya sebagai Perdana Menteri.

"Tidak, tidak ada semasa dalam tempoh pentadbiran saya," katanya semasa ditemu ramah stesen radio *BFM* di sini, bagi menjawab satu soalan sekiranya barisan Kabinet samasa perlu dirombak.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun barisan menteri ketika ini masih baharu memikul tanggungjawab masing-masing, mereka kini mempunyai pengalaman kira-kira setahun sebagai menteri.

"Jika saya ambil menteri baharu, saya perlu memberikan masa untuk mereka menyesuaikan diri dengan tanggungjawab baharu, dia mungkin tidak akan dapat melaksanakannya dengan baik. Menteri baharu tidak bermaksud menteri yang lebih baik," katanya.

Mengulas lanjut Dr. Mahathir berkata, rombakan Kabinet tidak semestinya menyelesaikan masalah, sebaliknya ia mungkin akan menimbulkan masalah baharu.

"Apabila anda merombak semula Kabinet, ia akan mewujudkan banyak masalah, ia tidak menyelesaikan masalah (tapi) mungkin mewujudkan banyak masalah, itu sebabnya saya tidak berapa setuju untuk menyelesaikan masalah dengan menukar orang. Saya ada buat pertukaran sebelum ini, saya berhenti (tugas) tapi saya dipanggil untuk kembali," tambahnya.

Sementara itu mengulas isu berkaitan penceramah kontroversi Dr. Zakir Naik, Dr. Mahathir berkata, rakan sejawatannya di India, Narendra Modi tidak meminta supaya Malaysia mengembalikannya Zakir yang merupakan orang yang dikehendaki pihak



DR MAHATHIR

berkuasa India sejak 2016 atas tuduhan penggubahan wang dan menghasut menerusi ceramahnya.

Ekstradisi penceramah kontroversi itu adalah antara perkara yang dibincangkan oleh Dr. Mahathir semasa perjumpaan dengan Modi di luar Forum

Ekonomi Timur di Rusia awal bulan ini.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan juga sedang berusaha mendapatkan satu tempat buat penceramah berkenaan.

"Tidak banyak negara mahukannya. India tidak bertegas (mengambilnya). Saya bertemu dengan Modi (dan) dia tidak beritahu saya yang dia mahukan orang ini (Zakir). Kami cuba mencari tempat di mana dia boleh pergi, tapi buat masa ini tiada sesiapa yang mahu menerimanya," tambahnya.

- BERNAMA